

Kepimpinan JKKK: Peranan Ke Arah Kesejahteraan Desa

Malike Brahim & Sarina Yusoff

Pusat Pengajian Kerajaan

Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darulaman

malike@uum.edu.my

Musliza Mohamad

Jabatan Perdagangan

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)

06000 Jitra, Kedah Darulaman

musliza_75@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kesejahteraan hidup tidak hanya merujuk kepada aspek keselamatan dan kesihatan semata-mata. Ia membawa pengertian yang sangat luas. Ini termasuklah soal kesejahteraan dalam sosio-ekonomi dan pembangunan masyarakat setempat. Dalam isu ini, peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sangat penting sebagai organisasi di peringkat desa untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat dari segi ekonomi, prasarana, kebudayaan, keagamaan dan sebagainya. Bagi tujuan tersebut, kepimpinan JKKK adalah agen penting sebagai penggerak utama bagi memastikan program-program pembangunan kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamatnya bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh itu, kualiti kepimpinan JKKK perlu dipertingkatkan dalam memastikan peranannya terus relevan dalam membentuk kesejahteraan rakyat dan keluar daripada bayang-bayang politik kepartian.

ABSTRACT

Well-being is not only referring to the aspect of health and safety, but it brought to a very wide view, including the question of prosperity to the socio-economic and community development of the local people. In this issue, as the village-level organisation, the Village Development and Safety Committee (VDSC) had a very important role to bring the development and advancement to the people in terms of economy, infrastructure, cultural, religious, and so on. For this purpose, the VDSC's leadership plays an important role as the main agent to ensure the government's development programmes being implemented effectively and to achieve its goals in improving people's living standard. Therefore, the quality of VSDC leadership should be enhanced to ensure that it remains as a relevant role in formulating the people's well-being and free from the shadows of partisan politics.

Kata kunci: Kepimpinan, Pembangunan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

PENGENALAN

Penduduk desa khususnya di luar bandar merupakan kelompok majoriti yang masih dahagakan pembangunan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Impian tersebut bukan sesuatu yang mudah untuk dicapai dan dinikmati tanpa perancangan rapi dan sistematik oleh kerajaan dan agensi-agensi berkaitan dengannya. Dalam pada itu, rakyat juga perlu perubahan dan anjakan paradigma ke arah untuk berdaya saing bagi mencapai kemajuan. Jadi, bagi menghubungkan rakyat dengan kerajaan, perlu ada perantara yang memahami kedudukan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Atas sebab itu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sebagai nadi penggerak utama program pembangunan kerajaan untuk masyarakat desa.

Dalam menilai kepentingan JKKK, Dato' Seri Mohd. Shafie Apdal Menteri Luar Bandar dan Wilayah menganggap ia sebagai “mata dan telinga” kerajaan untuk memantau, mendengar dan menyampaikan dengan tepat setiap dasar dan program kerajaan kepada rakyat. Hal ini kerana, kepimpinan JKKK amat rapat dengan masyarakat setempat, maka mudah untuk menyalurkan maklumat kepada kerajaan. Oleh itu, penubuhan JKKK sangat bermanfaat kepada masyarakat desa. Dengan itu, menjadi harapan rakyat agar JKKK dan barisan kepimpinannya berkeupayaan melaksanakan fungsinya secara berkesan termasuklah bertanggungjawab ke arah kesejahteraan rakyat melalui dasar-dasar pembangunan yang dilaksanakan pihak kerajaan (Sarina, 2013).

Semua itu mustahil untuk dicapai kecuali kepimpinan JKKK itu benar-benar cemerlang dan berketrampilan. Oleh itu, barisan kepimpinan JKKK perlu memikul tanggungjawab dengan berkesan dan cekap. Ciri-ciri kepimpinan yang telus, tulus dan luhur adalah asas penting untuk membentuk kepimpinan JKKK yang berintegriti dan berkualiti tinggi. Melalui JKKK, seluruh penduduk kampung dapat digandingkan untuk mempercepat proses pembangunan, di mana JKKK berfungsi sebagai agen pembangunan dan kesejahteraan desa. Justeru itu, eseini cuba membincangkan dapatan kajian tentang kepimpinan JKKK ke arah kesejahteraan rakyat.

LATAR BELAKANG KAJIAN KEPIMPINAN JKKK

Suatu kajian tinjauan tentang kepimpinan JKKK melibatkan Kampung Pak Pa, Kampung Simpang Tok Ku dan Kampung Teluk Paku di Kuala Terengganu, Terengganu telah dijalankan pada tahun 2013. Kaedah temubual bersempua dilakukan melibatkan pemimpin dan ahli-ahli JKKK. Kampung Pak Pa dan Kampung Teluk Paku dalam kawasan dewan undangan negeri (DUN) Wakaf Mempelam dan Kampung Simpang Tok Ku dalam kawasan DUN Bandar. Pemilihan ketiga-tiga kampung ini berdasarkan kepada perkembangan politik yang berlaku sebelum pilihan raya umum (PRU) ke-13 tahun 2013.

Skop kajian melibatkan isu dan masalah kepimpinan JKKK dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya ketiga-tiga kampung tersebut. Berhubung hal ini, objektif kajian ini dijalankan untuk:

- Mengenal pasti matlamat penubuhan JKKK sebagai agen pembangunan masyarakat;
- Mengkaji peranan JKKK dalam aspek politik dan pentadbiran;
- Menilai keberkesanannya kepimpinan JKKK melalui pembahagian tugas ahli-ahlinya;
- Mengkaji pengaruh ideologi politik terhadap keberkesanannya kepimpinan JKKK; dan
- Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi kepimpinan JKKK.

Namun, eseini tidak bertujuan menganalisis tiap-tiap objektif kajian di atas. Perbincangan memfokuskan kepada peranan kepimpinan JKKK ke arah kesejahteraan desa sebagai agen pembangunan kepada rakyat. Di samping itu, penilaian turut dilakukan terhadap ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan oleh pemimpin JKKK ke arah memacu pembangunan di kampung masing-masing. Bagi tujuan itu, pemimpin JKKK perlu memanfaatkan fungsinya sebagai perantara bagi kerajaan dengan rakyat untuk mencapai matlamat penubuhan mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN DALAM KEPIMPINAN JKKK

Kepimpinan JKKK adalah barisan pemimpin tertinggi di peringkat kampung. Dari suatu sudut, ia adalah pemangkin kemajuan dan kesejahteraan komuniti di desa. Asas penubuhan untuk menjaga keselamatan, perpaduan dan keharmonian rakyat di kampung-kampung. Tugas JKKK tidak semudah seperti apa yang dapat dilihat oleh mata kasar. Ia berhadapan dengan pelbagai masalah masyarakat. Analisis hasil kajian mendapati beberapa isu timbul berhubung kepimpinan JKKK. Pertama, dari segi pentadbiran. Dikatakan bahawa struktur pentadbiran JKKK dan fungsinya tidak jelas dan masih di takuk lama. Difahamkan kebanyakan pemimpin JKKK sedia ada hanya memiliki taraf pendidikan setakat sekolah menengah. Ini menunjukkan barisan kepimpinan JKKK belum dianggotai oleh rakyat yang berpendidikan tinggi sekurang-kurangnya peringkat diploma.

Kedua, komunikasi kurang berkesan. Barisan kepimpinan JKKK gagal menyampaikan maklumat secara pantas dan tepat kepada masyarakat. Maklumat yang disampaikan gagal difahami dengan baik oleh sesetengah individu walaupun ia sangat penting. Apabila maklumat gagal diterima dengan tepat, ia boleh disalahafsir dan menimbulkan kekeliruan bagi penerimanya. Masalah ini berpunca daripada ketidaksesuaian medium yang digunakan pemimpin JKKK dan ahlinya. Mereka banyak menggunakan pembesar suara dan notis yang ditampal di surau, masjid dan balai raya.

Ketiga, ketidakcekapan kepimpinan JKKK. Pemimpin JKKK gagal melaksanakan fungsi mereka dengan cekap. Ini menyebabkan rakyat tidak puas hati kerana mereka gagal menyelesaikan masalah rakyat walaupun ia hanya isu kecil. Ekoran itu, rakyat mula tidak sehaluan dengan JKKK. Ini ditambah pula dengan perbezaan ideologi politik masing-masing hingga membataskan hubungan antara JKKK dengan penduduk setempat. Hal ini sudah pasti memberi kesan terhadap kepimpinan JKKK.

Keempat, sikap pemimpin. Pemimpin JKKK dikatakan mengamalkan sikap pilih kasih dalam mengagihkan bantuan kerajaan kepada rakyat. Sikap ini menimbulkan rungutan dalam kalangan rakyat dan menyebabkan mereka tidak berpuas hati terhadap kepimpinan JKKK. Hal ini mendapat perhatian kerajaan Terengganu. Atas sebab itu, Datuk Ahmad Said telah memberi amaran untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pengurus JKKK jika menyelewengkan agihan bantuan dana hari raya. Jadi, kepimpinan JKKK perlu amanah, adil, bertanggungjawab dan *role model* kepada masyarakat. Disebabkan sikap pilih kasih itu, ada kumpulan tertentu bertindak memulau dan memprotes aktiviti, program dan projek yang dianjurkan oleh JKKK. Ini memberi kesan terhadap kepimpinan JKKK sebagai agen pembangunan dan kesejahteraan desa (Sarina, 2013).

Kelima, cara kerja tidak sistematik. Ada kaitan dengan taraf pendidikan seperti telah disebutkan di atas, di mana banyak tindakan dan cara kerja JKKK kurang disenangi rakyat. Keputusan yang dibuat tidak konsisten dan lebih banyak atas perkiraan budi bicara barisan pemimpin dan ahli-ahlinya tanpa melalui mesyuarat dan arahan yang sah. Pastinya hal ini lebih rumit jika ia melibatkan kepentingan umum. Oleh sebab itu, sudah tiba masanya kepimpinan JKKK perlu transformasi dan anjakan paradigma ke arah yang lebih dinamik dan berketrampilan. Mereka juga perlu bijak memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat dan Internet dalam proses penyampaian maklumat kepada masyarakat.

PERANAN KEPIMPINAN JKKK DALAM KESEJAHTERAAN DESA

Sejarah JKKK bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) pada tahun 1962 melalui Arahan No. 3 Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. JKK ditugaskan sebagai badan penggerak di peringkat kampung untuk mengatasi empat jenis masalah masyarakat iaitu kemiskinan, kesihatan, buta huruf dan kecuaian (Sarina, 2013). Ketua kampung dilantik sebagai Pengurus JKK. Kemudian fungsi dan bidang tugas JKK telah disemak dan diperkemas selaras dengan dasar dan matlamat pembangunan negara (Wan Kemat, 1997). Melalui pengenalan Rancangan Gerakan Maju (1966), Jaya Diri (1968) dan Gerakan Pembaharuan (1972), Majlis Keselamatan Negara mengenai Rukun Tetangga dan Rancangan Perhubungan Masyarakat telah menyebabkan nama JKK telah ditukarkan menjadi JKKK bermula bulan Ogos 1975 (Sarina, 2013).

Selaras dengan pertukaran daripada JKK kepada JKKK, tanggungjawab badan ini turut dipertingkatkan. Antaranya membabitkan soal pentadbiran, pembangunan, ekonomi, pendidikan, kesihatan, keagamaan dan kerohanian, keselamatan dan program pembangunan rakyat termiskin (PPRT). Melalui tugas-tugas yang diberikan, ini menunjukkan bahawa JKKK adalah mata dan telinga kepada kerajaan untuk mengukuhkan kestabilan dan kestabilan dalam negara. Ia diiktiraf sebagai badan perantara bagi penduduk kampung dengan kerajaan semenjak tahun 1972 lagi. Ketua-ketua kampung dilantik sebagai Pengurus JKKK dan ahli-ahlinya pula bertindak sebagai badan pentadbiran yang bertanggungjawab di peringkat akar umbi di setiap kampung (Sarina, 2013).

Oleh itu, dalam usaha membangunkan masyarakat, penggembangan usaha dan tenaga antara kerajaan dan masyarakat amat perlu. Hal ini kerana anggota-anggota masyarakat di kampung-kampung

amat memerlukan bimbingan, sokongan dan peluang untuk membangun. Di samping itu, kerajaan pula memerlukan kerjasama yang kukuh daripada rakyat dalam memastikan pembangunan dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Atas sebab itu, masyarakat di kampung terutamanya di kawasan luar bandar perlu memahami konsep dan peranan yang dimainkan oleh JKKK terutamanya dalam memastikan matlamat pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan tercapai.

Dalam organisasi, Robbins (2000) menyifatkan pemimpin merupakan individu yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, visi, misi dan masa depan organisasi. Pemimpin yang cekap mampu menghubungkan visi dan matlamat organisasi untuk mengatasi rintangan yang timbul (Nye, 2008). Namun, pemimpin perlu ada kekuatan tersendiri supaya mampu melaksanakan operasi organisasi dengan stabil (Schermerhorn, Hunt & Osborn, 2003). Gabungan antara kemahiran dan kekuatan menjadikan pemimpin itu cukup berpengaruh dalam mencapai matlamat diri dan organisasi. Pemimpin juga perlu ada cita-cita dan keperluan tinggi untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian supaya visi, misi, matlamat dan perancangan dapat dicapai dengan jayanya. Begitu juga situasinya dalam kepimpinan JKKK yang perlu ada matlamat, kekuatan dan kemahiran serta mempunyai cita-cita untuk berjaya.

Justeru itu, pemimpin perlu ada keupayaan untuk mempengaruhi orang lain walaupun tidak disukai (Hodgetts, 2002). Ini kerana kepimpinan melibatkan penggunaan kuasa, pengaruh dan autoriti untuk mengawal pengikutnya. Ini adalah keupayaan pemimpin termasuklah memujuk rakyat untuk melakukan sesuatu (Ruscio, 2004). Jadi, kepimpinan itu berkait dengan karisma, autoriti dan kepintaran. Jika semua itu berjaya dilakukan, maka tidak mustahil dalam sesetengah keadaan, pengikut menjadi begitu taksub kepada pemimpin hingga sanggup mati demi pemimpin tersebut. Kepimpinan menurut Bass (1985) adalah proses mentransformasi pengikut, membentuk matlamat dan menerangkan kepada pengikut cara-cara untuk mencapai matlamat tersebut.

Bagaimakah keadaannya dalam kepimpinan JKKK? Adakah pemimpin JKKK dan ahlinya mampu menjadi pemimpin yang diterima oleh semua lapisan masyarakat? Sebagai pemimpin di peringkat desa, pemimpin JKKK dan ahli-ahlinya perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan seperti disarankan oleh sarjana-sarjana di atas. Paling tidak, fungsi JKKK adalah untuk mempengaruhi rakyat sebagai organisasi sosial yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mencapai sesuatu matlamat. Paling asas matlamatnya untuk kemajuan dan keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

JKKK mempunyai tanggungjawab dalam menentukan kemajuan sesebuah kampung. Atas sebab itu, fungsi JKKK banyak membantu pentadbiran daerah dalam melaksanakan projek-projek pembangunan (Abdul Halim, 1991). Kini peranan kepimpinan JKKK semakin luas bukan sekadar memastikan keselamatan dan kemajuan kampung, tetapi menjadi organisasi yang bertanggungjawab memastikan program-program pembangunan kerajaan memberi faedah kepada penduduk setempat (Mohd Shukri, 1992). Jadi, JKKK berperanan sebagai orang tengah (perantara) bagi pentadbiran daerah dengan masyarakat setempat untuk memastikan setiap projek dan program pembangunan yang dijalankan di peringkat kampung berjalan lancar. Penubuhan JKKK juga bertujuan memberi peluang kepada penduduk kampung mengambil bahagian secara aktif dalam pelaksanaan program dan projek pembangunan di kampung mereka (Abdul Halim, 1991). Di sini dapat dilihat peranan ahli-ahli JKKK sebagai sebuah badan di bawah Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar.

JKKK perlu mengorak langkah ke arah proaktif ke arah pembangunan luar bandar melalui kepimpinan yang telah dilantik. JKKK diketuai oleh seorang Pengerusi untuk memimpin ahli-ahli JKKK untuk mencapai matlamat yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan kepada badan ini. Pengerusi JKKK diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab kepada seluruh lapisan masyarakat dengan penuh berhemah untuk memastikan segala misi dalam penubuhan badan JKKK tercapai. Misalnya, Pengerusi menjalankan tanggungjawab dalam aspek pentadbiran, pembangunan dan tugas-tugas lain seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Atas dasar inilah, kerajaan telah menubuhkan JKKK sebagai nadi pembangunan negara diuar bandar.

1. Peranan JKKK

Laporan Profiling Daerah Kuala Terengganu 2009 menggariskan tanggungjawab JKKK di kampung-kampung seperti:

- Badan perancang menentukan strategi dan pelaksanaan program atau projek pembangunan;
- Menentukan senarai keutamaan projek-projek pembangunan;
- Badan penyelaras pelaksanaan program dan projek pembangunan;
- Badan penilai kemajuan pelaksanaan program dan projek pembangunan;
- Mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan segala masalah negara seperti anasir-anasir komunis, subersif, anti-nasional, kemasukan pendatang haram, penyeludupan, penyalahgunaan dadah dan kegiatan penyelewengan ajaran Islam kepada pihak berkuasa atau Pegawai Daerah;
- Badan perantaraan bagi wakil rakyat dan pegawai kerajaan dengan penduduk kampung;
- Badan penggerak dalam mengembangkan tenaga, sumber pembangunan dan perubahan sikap masyarakat untuk tujuan mempertingkat lagi daya pengeluaran; dan
- Menyimpan segala rekod rancangan pembangunan fizikal dan masyarakat dengan mengadakan Bilik Gerakan Kampung yang dilengkapi dengan data, peta, carta dan lain-lain perkara mengenai kampung.

2. Kaedah Pelaksanaan Tugas

JKKK bertanggungjawab dalam merancang, menggunakan sumber sedia ada, menyatukan penduduk dan membina kesejahteraan masyarakat kampung. Bagi melaksanakan tugasnya, beberapa prosedur yang harus diikuti oleh JKKK iaitu:

- **Mengadakan Mesyuarat**

Ahli JKKK mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan kampung. Beberapa perkara yang ditimbulkan ialah tempat, tarikh mesyuarat dan panggilan mesyuarat, mengendalikan mesyuarat, mencatit minit mesyuarat dan mengedarkan minit mesyuarat, perbelanjaan dan kelengkapan untuk mengadakan mesyuarat serta memberitahu keputusan mesyuarat.

- **Mengadakan Rundingan**

Ahli JKKK merundingkan masalah dan perkara yang berkaitan dengan kampung. Jika perkara itu tidak dapat diselesaikan, JKKK akan melantik badan perunding bagi merunding perkara tersebut. Segala keputusan rundingan hendaklah diberitahu dalam mesyuarat dan selepas itu keputusan perlu dihebohkan kepada penduduk kampung.

- **Mengadakan Perjumpaan**

JKKK boleh mengadakan perjumpaan antara ahli-ahlinya dengan pegawai-pegawai kerajaan bagi memudahkan segala urusan pentadbiran khususnya berkaitan pembangunan sebagai asas penubuhannya. Jadi, fungsi JKKK adalah membangunkan masyarakat desa tanpa mengorbankan nilai-nilai murni yang sedia ada. Dengan kata lain, JKKK bertindak untuk memberikan galakan supaya setiap komuniti di luar bandar. Misalnya, untuk sentiasa mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat.

3. Peranan Dalam Pembangunan Komuniti Desa

JKKK adalah organisasi sosial mewakili penduduk kampung. Ia adalah saluran untuk menyalurkan projek-projek pembangunan ke kampung-kampung. Atas sebab itu, JKKK adalah agen perubahan penting di peringkat desa. Ia juga bertanggungjawab memperkuuh jalinan sistem-sistem masyarakat dan memantau pembangunan sesebuah kawasan.

- **Agen Perubahan**

Kepimpinan JKKK perlu memahami tugas mereka dengan sebaik mungkin. Mereka adalah agen pelaksana bagi projek kerajaan yang dilaksanakan mengikut keperluan setempat, menentukan

keutamaan projek, penghubung dan sebagai guru kepada penduduk setempat (Ishak, 1979). Tugas JKKK ini sama seperti tugas yang dimainkan oleh pekerja sosial peringkat komuniti seperti guru, peransang, pemudahcara dan penghubung (Skidmore, 1997). Peranan JKKK ke arah pembangunan komuniti setempat amat besar dan memerlukan komitmen dan semangat sukarela yang tinggi kerana jawatan yang disandang oleh mereka selama dua tahun hanya diberikan eluan bulanan sahaja. Justeru itu, mereka mesti adil dan saksama dalam membuat keputusan dan mengagih peruntukan kerajaan kerana mereka adalah agen perubahan di peringkat tempatan.

- **Perancang**

Tugas JKKK sebagai perancang setempat berdasarkan kepada keadaan semasa. Antaranya bertanggungjawab dalam usaha menubuhkan beberapa buah pusat bimbingan kanak-kanak di kampung-kampung dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang menyediakan kemudahan tenaga pengajar dan kelengkapan. JKKK juga bertindak sebagai peransang kepada penduduk dengan memberikan galakan kepada anak-anak kampung yang masih bersekolah seperti mengadakan kelas-kelas tambahan pada waktu malam dan kelas agama dengan kerjasama jawatankuasa masjid.

- **Penghubung**

Sebagai penghubung, tanggungjawab JKKK dapat dilihat menerusi peranannya sebagai orang tengah yang menghubungkan penduduk kampung dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti:

- Pejabat Tanah bagi urusan berkaitan permohonan tanah dan pembayaran cukai;
- Jabatan Pertanian bagi urusan berkaitan kupon baja, subsidi padi dan penanaman padi;
- Jabatan Kesihatan berkaitan program kebersihan dengan menyediakan kemudahan kesihatan;
- Jabatan Haiwan berkaitan projek penternakan lembu, kerbau, kambing, ayam dan pencegahan penyakit berjangkit melibatkan ternakan; dan
- Jabatan Polis bagi urusan berkaitan dengan keselamatan di kampung.

Selain itu, JKKK banyak membantu kerajaan untuk menyegerakan projek yang amat diperlukan di dalam kampung-kampung. Di samping itu, JKKK bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan untuk menyelesaikan masalah pemilihan tapak projek, membantu pembayaran pampasan, pemindahan dan pengambilan tanah sejar dengan peranannya sebagai penghubung antara rakyat dengan kerajaan.

4. Pendekatan Kerajaan Negeri Terhadap JKKK

Menyedari hakikat pentingnya pembangunan fizikal, mental dan rohani kepada seluruh penduduk, kerajaan negeri telah melancarkan pelbagai program bagi menjayakan matlamat tersebut. Perkara ini dapat dilihat seperti apa yang telah dimainkan oleh JKKK di Terengganu. JKKK perlu membuat perancangan yang teliti berdasarkan kepada keperluan seluruh penduduk dengan mengemukakan permohonan bertulis melalui Penghulu mukim untuk dimajukan kepada Jabatan Pembangunan Negeri. Bagi projek yang melibatkan jabatan yang lain seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan lain-lain, JKKK hendaklah mendapatkan pandangan dan nasihat melalui Pejabat Daerah dalam mesyuarat Penyelarasan Mukim.

JKKK turut mempunyai peranan penting dalam pengurusan projek dengan cara mengawasi semua pelaksanaan projek dan melaporkan kemajuan projek kepada Jabatan Kemajuan Negeri. JKKK juga bertindak sebagai badan penilai atau membuat laporan ke atas projek-projek yang dilaksanakan dalam kawasan masing-masing jika berlaku sebarang masalah. Peranan tersebut bertujuan bagi membantu agensi perlaksanaan membuat penilaian semula pada masa hadapan.

Kerajaan negeri telah menggariskan satu wawasan bagi memajukan semua kampung di negeri Terengganu. Bagi memastikan kejayaan ini, kepimpinan JKKK perlulah memahami dengan jelas wawasan tersebut dan melaksanakan fungsi JKKK seperti berikut:

- Menyediakan profil kampung yang sentiasa dikemaskini, mengemaskini bilik gerakan pembangunan kampung dan menyiapkan rekod rancangan pembangunan masyarakat dan minit mesyuarat;
- Merancang projek pembangunan masyarakat dan kegiatan sosio-ekonomi untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk melalui kegiatan industri hiliran dan industri kampung;
- Menjadi penggerak bagi mempertingkatkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan keagamaan selaras dengan pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi, mulia dan bermartabat;
- Berusaha untuk menjadikan kawasan kampung yang bersih, menarik, menguntungkan dan maju;
- Menjadi penggerak kepada amalan kerja dan semangat gotong-royong, kerjasama dan penglibatan menyeluruh rakyat ke arah melahirkan masyarakat penyayang, kejiranan yang berdisiplin, kreatif dan produktif melalui penubuhan badan-badan sukarela dan aktiviti kemasyarakatan;
- Menjadi agen atau organisasi yang mengawal keselamatan dan mewujudkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dengan membendung gejala pelampau agama, aktiviti-aktiviti anti perpaduan, masalah remaja, dadah dan lain-lain;
- Membantu agensi kerajaan dalam pengawasan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan;
- Menjadi agen di dalam pembangunan sumber manusia dan pembangunan rohani untuk membolehkan anak-anak kampung mengambil bahagian dalam pembangunan industri dan pembangunan insan yang boleh mengubah sikap dan mental rakyat bersama-sama untuk berdikari;
- Bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dalam mendorong menggerak dan mencetuskan idea yang dapat menyediakan rakyat menerima pembangunan; dan
- Mengadakan mesyuarat bulanan JKKK yang berjadual dan menyediakan minit mesyuarat untuk diedarkan ke Pejabat Daerah, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Menteri Besar dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

5. Sebagai Pemimpin Barisan Hadapan

JKKK merupakan organisasi di barisan hadapan sebagai perantara; pembuka jalan; membentuk pengaruh di kalangan penerima atau penduduk setempat; pemimpin pendapat; dan pemimpin dalam kelompok masyarakat. Sekiranya peranan-peranan ini dapat dilaksanakan dengan baik, kepimpinan JKKK lebih berkesan dalam menjalankan tugas memaju dan membentuk kesejahteraan desa. Sempena dengan bulan kebesaran Islam seperti sambutan Maal Hijrah dan perayaan Maulidur Rasul, satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang terdiri daripada JKKK, AJK masjid dan individu tertentu telah mengajurkan majlis sambutan secara besar-besaran dengan mengadakan pelbagai pertandingan di antara penduduk kampung seperti tilawah al-Quran, azan, nasyid, pidato, bacaan surah-surah lazim dan sebagainya. Pada setiap perayaan, jawatankuasa ini memilih seorang tokoh Maal Hijrah bagi lelaki dan tokoh ibu mithali bagi wanita, di mana program ini telahpun berjaya diadakan selama empat tahun berturut-turut.

6. Pengurusan Pembangunan Ekonomi Kampung

Peluang pembangunan ekonomi bukan sahaja terdapat di bandar. Malahan ia juga terdapat kampung. Di kawasan luar bandar terdapat bukit-bukau, sungai, tanah dan sumber alam yang boleh dieksplotasi untuk pembangunan ekonomi. Peranan penting yang boleh dimainkan oleh JKKK ke arah memajukan ekonomi kampung dengan mendorong perubahan sikap dalam kalangan penduduk kampung untuk memajukan diri masing-masing.

Asas pakatan bukan sahaja berdasarkan kebijakan seperti gotong-royong, pakatan kenduri, khairat kematian, tetapi ia hendaklah menjurus kepada sudut membangunkan ekonomi bersama. JKKK juga boleh bertindak secara proaktif dalam membangunkan kampung dengan menjemput pegawai daripada pelbagai agensi untuk membincangkan bagaimana sumber bahan mentah yang terdapat di kampung dapat dieksplotasi sepenuhnya seperti buluh, rotan, tumbuhan herba dan sebagainya untuk dijadikan sumber

pendapatan penduduk kampung. JKKK juga boleh memainkan peranan aktif dalam mengenal pasti kawasan tanah terbiar untuk diusahakan di bawah projek yang menguntungkan seperti penanaman sayur ataupun tanaman kontan yang mempunyai pasaran yang baik pada masa ini.

Bagi pemasaran hasil pertanian pula, JKKK boleh membentuk jaringan perhubungan dengan JKKK dari kawasan lain seperti kawasan yang mempunyai bahan mentah makanan seperti ikan dan sumber laut yang lain untuk dipasarkan ke kawasan pendalaman dan bahan mentah seperti sayur dan hasil tanaman dipasarkan ke kawasan tepi laut. Keadaan ini sudah tentulah akan memberikan pulangan yang lumayan kepada petani dan nelayan kerana sistem jaringan yang lebih cekap akan sampai kepada pengguna dengan harga yang lebih berpatutan.

7. Pengurusan Pembangunan Masyarakat

Masyarakat di desa pada hari ini perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan dari segi rohani dan jasmani. Perubahan masa telah menjadikan masyarakat kini lebih bersifat individualistik. Antara lain sangat menitikberatkan soal pendapatan dan taraf hidup yang tinggi. Mereka terus berusaha untuk maju dan ini menyebabkan ramai anak muda berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik. Perkembangan ini sudah pasti ada baik dan buruknya. Justeru itu, JKKK mempunyai peranan tersendiri untuk mendepani masalah remaja dan belia di desa-desa agar terus mengekalkan identiti dan budaya yang diamalkan sejak kecil walaupun telah berhijrah ke bandar-bandar.

Oleh itu, JKKK perlulah mempunyai agenda tersendiri untuk membangunkan aspek sosial masyarakat kampung. JKKK boleh menggembangkan usaha bersama penduduk kampung serta syarikat ataupun kilang bagi menjalankan projek usahasama kepada penduduk kampung melalui projek satu kampung satu pengeluaran yang berdasarkan sumber setempat. Melalui usaha ini, penduduk kampung tidak perlu meninggalkan rumah untuk bekerja kerana boleh menjalankan perusahaan ini di rumah mereka. Keadaan ini sudah tentulah dapat mengurangkan pergerakan buruh dari kampung ke bandar dan sistem sosial masyarakat yang murni dapat dikekalkan.

KESIMPULAN

Analisis dapatan kajian mendapati JKKK di tiga buah kampung di daerah Kuala Terengganu yang dikaji telah berjaya melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya seperti dalam pelaksanaan senarai tugas yang yang diberikan oleh kerajaan Terengganu. Jadi, dalam usaha ke arah kesejahteraan desa, JKKK berperanan sebagai agen perubahan, kepimpinan barisan hadapan, pengurus pembangunan dan ekonomi setempat dan bertindak sebagai pembantu dalam menguruskan pembangunan masyarakat. Dengan kata lain, kepimpinan JKKK mempunyai pelbagai tanggungjawab kepada masyarakat kampung yang kebanyakannya dilakukan secara sukarela walaupun mereka turut dibayar sejumlah elau bulanan.

Kepimpinan JKKK adalah nadi pembangunan dan kesejahteraan desa yang banyak dimainkannya melalui peranannya sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat luar bandar. Ini bertujuan supaya rakyat di desa tidak ketinggalan daripada arus pembangunan negara. Justeru itu, dalam hal ini kerajaan negeri amat memerlukan sokongan kepimpinan JKKK ke arah memacu pembangunan bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Kemajuan pembangunan di kampung dan kawasan luar bandar banyak bergantung kepada kekuatan kepimpinan JKKK itu sendiri. Oleh itu, kepimpinan JKKK juga perlu melalui proses transformasi ke arah yang lebih dinamik, profesional, berwawasan, berpendidikan tinggi, berintegriti, dan sebagainya.

Dapatan kajian tentang kepimpinan JKKK ini memberi suatu gambaran kepentingan JKKK bukan sahaja kepada rakyat, tetapi juga kepada kerajaan dan secara tidak langsung kepada parti politik yang lazimnya parti yang memerintah seperti di Terengganu. Hakikatnya, kepimpinan JKKK tidak dapat lari daripada faktor politik itu sendiri kerana pelantikan barisan pemimpin dan ahli-ahli JKKK adalah melibatkan proses politik. Walau bagaimanapun, sebagai barisan kepimpinan di peringkat akar umbi, sudah tentu JKKK adalah “*role model*” kepada masyarakat setempat dalam banyak aspek

kehidupan mereka. Lantaran itu, kepimpinan JKKK perlu melihat jauh ke hadapan sejauhmaka mereka boleh berkhidmat dan memberi sumbangan kepada masyarakat terutama dalam membentuk kesejahteraan desa yang makmur dari segi ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan pembangunan fizikal seiringan dengan matlamat negara maju.

Pada suatu masa kelak, tidak mustahil JKKK ini boleh berperanan dan berfungsi dengan autonomi dan autoritinya tersendiri seperti agensi-agensi kerajaan yang sedia ada. Oleh sebab itu, kepimpinan JKKK perlu proses pengukuhan, transformasi dan pendemokrasian politik agar dapat menjadi organisasi yang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Sebagai sebuah organisasi yang rapat dengan rakyat, kepimpinan JKKK perlu mengekalkan toleransi, persefahaman, kerjasama dan sebagainya dengan rakyat serta bertindak sebagai perantara bagi kerajaan dengan rakyat. Untuk mencapai semua itu secara optimum terutama dalam melahirkan barisan kepimpinan JKKK yang bersifat adil, telus, bijaksana, saksama, berintegriti dan sebagainya, sewajarnya mereka bebas daripada pengaruh politik terutama politik yang bersifat kepartian. Jika kepimpinan JKKK yang telah dilantik cenderung ke arah politik kepartian, amat dibimbangi organisasi ini tidak mampu memikul amanah dan tanggungjawab kepada rakyat di kampung-kampung secara profesional dan rasional kerana banyak mengambil kira faktor politik kepartian dalam sebarang tindakan dan keputusan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Saad. (1991). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Bass, B. M. (1985). *Leadership and Performance Beyond Expectations*. New York: Free Press.
- Bolman, L. G. & Deal, T. E. (1992). *Leading And Managing: Effects of Context, Culture and Gender. Educational Administration Quarterly*, 28: 314-329.
- Hodgetts, R. M. (2002). *Modern Human Relations at Work*. (8th ed.). Sydney: South-Western.
- Mohd Shukri Abdullah. (1992). *Strategi Pembangunan Desa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nye, J. S. (2008). *Powers to Lead*. New York: Oxford University Press.
- Robbins, S. P. (2000). *Gelagat Organisasi* (edisi ke-8). (Terj. Abdul Razak Ibrahim & Ainie Sulaiman). Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Ruscio, K. P. (2004). *Leadership Dilemma in Modern Democracy*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Sarina Yusoff. (2013). “Keberkesanan Kepimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di Terengganu”. Projek Sarjana, Sarjana Pengurusan Awam, Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia (Tidak Diterbitkan).
- Schermerhon, J. R., Hunt, J. G. & Osborn, R. N. (2003). *Organizational Behavior* (8th ed.). New York: John Wiley & Sons.
- Skidmore. R. A., Thackeray, M. G., Farley, O. W. (1997). *Introduction to Social Work* (7th ed). Boston: Ally and Bacon.
- Wan Kemat. (1997). “JKKK Sebagai Penghubung Kerajaan, Rakyat”. *Berita Harian*. (10 Julai).